

Kedah, Perlis sambut Aidilfitri dalam banjir

KOSMO 23/10/2006

ALOR STAR - Kemeriahan menyambut Aidilfitri di Kedah dan Perlis terganggu apabila beberapa kawasan di dua buah negeri itu dilanda banjir bermula kelmarin.

Bagaimanapun, sehingga malam tadi tidak ada kemalangan jiwa berlaku akibat banjir tersebut.

Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca pula memramalkan Pantai Barat terutamanya Kedah, Perlis dan Pulau Pinang akan berhari raya dalam suasana hujan lebat dan berkemungkinan banjir.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Ramalan Cuaca, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca, Wong Teck Kiong berkata, hujan berterusan dan kadang kala lebat itu mula melanda beberapa negeri di Semenanjung sejak 12 Oktober dan dijangka berlarutan sehingga awal bulan depan.

"Ia merupakan fenomena peralihan monsun barat daya ke monsun timur laut," katanya.

Di Kedah, lebih 1,000 orang penduduk daerah Pendang, Kubang Pasu dan Pokok Sena terjejas teruk akibat kawasan mereka dilanda banjir sejak malam kelmarin.

Di Pendang, kira-kira 15 buah kampung dinaiki air di antara 0.5 dan 1.5 meter yang menyebabkan beberapa penduduk terpaksa dipindahkan ke rumah saudara-mara dan rakan-rakan yang berdekatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Sungai Tiang, Suraya Yaacob berkata, antara kawasan yang dilanda banjir ialah Pekan Kubur Panjang, Kubang Pisang, Lubuk Batu, Lahar Tunjung dan Bendang Raja.

"Mangsa-mangsa itu dipindahkan ke rumah keluarga mereka yang berdekatan dan tiada pusat pemindahan yang ditubuhkan setakat ini," katanya.

Katanya, beberapa batang jalan kecil turut



KENDERAAN terpaksa mengharungi banjir selepas air melimpahi Jalan Pokok Sena di Kedah semalam.

dinaiki air termasuk Jalan Tobiar-Kubur Panjang berhampiran Kubang Pisang ditutup untuk sebarang kenderaan ringan.

Di Pokok Sena, kira-kira 60 buah rumah dinaiki air dan antara kawasan yang terlibat ialah Kampung Bendang Baru, Kampung Gulau, Lahar Dalam, Permatang Limau, Alor Cina dan Lubuk Keriang.

Beberapa penduduk juga terpaksa dipindahkan ke rumah-rumah jiran berhampiran.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pokok Sena, Haris Che Mat berkata, beliau dan ahli-ahli bahagian memantau perkembangan banjir di sekitar daerah kecil itu di samping turun menyampaikan sumbangan Hari Raya.

Di Kubang Pasu, mangsa banjir dari 12 buah kampung di daerah itu pindahkan ke dua pusat pemindahan banjir sejak malam kelmarin.

Sebanyak 276 mangsa daripada 68 keluarga dipindahkan di pusat pemindahan Sekolah

Kebangsaan Kodiang, manakala 175 mangsa daripada 27 keluarga di dewan orang ramai Kampung Lahar dekat sini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang ditemui semasa melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Kampung Lahar dekat sini petang semalam meminta mangsa bencana alam itu supaya banyak bersabar dan tabah menghadapi dugaan, apalagi di saat umat Islam sedang membuat persiapan akhir menyambut ketibaan Aidilfitri.

Bagaimanapun, tinjauan mendapati, paras air di Changlun mulai pulih begitu juga paras air di kawasan Padang Terap mulai surut.

Sementara itu di Kangar, sebanyak 12 mangsa banjir daripada tiga keluarga di Kampung Jelempek dekat sini dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Jelempek berikutan banjir yang melanda kawasan itu sejak malam kelmarin.

Penolong Pegawai Operasi Jabatan Pertahanan Awam (JPA3), Sarjan Syed Nazri Syed Hassan berkata, setakat pukul 4.30 petang semalam, air berada pada paras 0.5 meter dan mula mengalir keluar ke kawasan hutan Kandis dan sempadan Kodiang-Jelempek.

"Buat masa ini, kita buat persediaan di dewan orang ramai Jelempek ini dan kemungkinan bilangan keluarga akan bertambah kalau hujan lebat masih berterusan dalam tempoh yang agak panjang," katanya ketika dihubungi di sini.

Hujan lebat yang berlaku di utara Perlis terutama di kawasan ladang tebu Chuping sejak tiga hari lalu dikatakan menjadi punca banjir itu.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghantar bekalan yang berupa barangan keperluan seperti kain selimut, tikar dan juga makanan kepada mangsa sehingga banjir pulih semula.